

27 JUN 1996

Mahathir-Bakun '''

PM SEDIH PROJEK BAKUN DIJADIKAN SEPERTI BOLA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau kecewa projek hidroelektrik Bakun dijadikan "seperti bola yang disepak sana sini" tanpa mengambil kira ia sebuah projek nasional yang akan menjamin sumber bekalan elektrik murah pada masa akan datang.

"Saya berasa sedih kerana projek Bakun menjadi macam 'football'... ditendang, disepak orang sedangkan ia membawa faedah kepada rakyat terutama yang miskin melalui peluang pekerjaan yang disediakan dan pelbagai faedah sampingan," kata Perdana Menteri kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya daripada bercuti di luar negara.

Dr Mahathir menolak anggapan yang projek bernilai RM13,600 juta itu dilaksanakan kerana kononnya beliau mahu menolong kawannya Tan Sri Ting Pek Khiing, Pengerusi Ekran Berhad, pemaju projek itu.

Beliau berkata projek sebesar Bakun tidak akan dapat dilaksanakan tanpa penswastaan kerana kerajaan tidak mampu untuk membiayainya.

Perdana Menteri membidas pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menurutnya mahu menggagalkan projek itu termasuk menggunakan saluran mahkamah.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Rabu lepas mengisytiharkan projek Bakun tidak sah kerana gagal mematuhi peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Sebenarnya saya telah ditaklimatkan mengenai projek Bakun itu lebih 20 tahun dahulu iaitu semasa saya menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ketika itu kosnya hanya dianggarkan RM10,000 juta," katanya

Bagaimanapun, katanya, kerajaan ketika itu tidak mampu melaksanakannya.

"Ini bukan soal untuk menolong kawan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata kerajaan menghormati keputusan mahkamah dan bersedia membetulkan prosedur dengan mengambil langkah yang diperlukan supaya projek itu dapat diteruskan tanpa ditangguhkan lebih lama.

Menurutnya kos projek itu akan meningkat malah pemajunya akan menanggung kerugian berjuta-juta ringgit setiap hari sekiranya ia ditangguhkan.

"Sekiranya keputusan Mahkamah Tinggi itu ditolak oleh mahkamah rayuan, sanggupkah pihak NGO membayar ganti rugi kepada Ekran," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata NGO di Malaysia telah diperalatkan oleh NGO asing untuk menentang projek Bakun dan hanya mahu menyaksikan projek itu diberhentikan tanpa mengira implikasinya daripada segi kos kepada negara.

"Sebenarnya semua ini bermula daripada luar negara dan NGO di sini cuma ikut sahaja. Kita punya NGO diperalatkan dan membenarkan pula diri diperalatkan oleh orang asing.

Saya sendiri menyaksikan hutan-hutan di negara asing dimusnahkan tetapi NGO Malaysia tidak pernah mengadu tentang hal ini.

"NGO kita sangat aktif walau pun ada sedikit sahaja berlaku di sini. Kenapakah NGO lain bimbang tentang Malaysia seangkan NGO Malaysia tidak bimbang tentang negara-negara lain di mana hak-hak asasi manusia diabaikan," tanya beliau.

Ditanya sama ada beliau berpendapat keputusan mahkamah terhadap projek Bakun adalah bukti campurtangan NGO asing dalam negara ini, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu penghakiman terhadap Bakun tetapi NGO lah yang mengheretnya ke mahkamah.

"Mereka membawa perkara ini ke mahkamah kerana diperalatkan oleh NGO negara asing tetapi NGO asing tidak memperdulikan kepentingan Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau sebenarnya boleh bekerjasama dengan NGO tempatan sekiranya tindakan mereka berpatutan dengan mengambil kira kepentingan negara mereka sendiri.

" Saya kecewa kerana NGO Malaysia langsung tidak bertanggungjawab dan sedikit pun tiada perasaan sayang atau cintakan negara mereka," katanya.

"Sudah tiba masanya NGO kita berfikir sebagai rakyat Malaysia dan mereka harus memerhatikan juga apa yang berlaku di Eropah, Amerika dan negara-negara lain.

Perdana Menteri berkata di negara-negara itu juga terbina empangan-empangan hidro elektrik seperti Bakun tanpa menghadapi banyak masalah seperti dengan NGO di Bakun dan negara-negara ini telahpun menikmati tenaga yang murah.

Perdana Menteri berkata beliau juga kecewa kerana ramai pihak sebenarnya tidak faham matlamat projek Bakun dan faedah-faedahnya.

Menurut beliau, projek yang berupaya mengeluarkan 2,400 megawatt tenaga yang akan dihantar ke Semenanjung melalui kabel dasar laut itu diperlukan kerana pada jangka panjang, ia merupakan sumber tenaga yang murah berbanding penjanaan menggunakan minyak, gas, arang batu atau thermal yang terus meningkat kos penjanaanya.

" Empangan Bakun hanya bergantung kepada hujan dan harga hujan sekarang dan 10 tahun akan datang tidak akan berubah," katanya.

Sambil meminta media massa supaya membantu memberi penerangan yang jelas mengenai projek itu kepada orang ramai, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak mampu menanggung kos akibat gangguan-gangguan terhadap projek yang pada akhirnya akan menguntungkan rakyat dan negara.

Dr Mahathir berkata negara-negara maju telah mengeksploitasi sumber-sumber air mereka dengan membina empangan-empangan hidro elektrik pada ketika mereka lebih kaya berbanding Malaysia sekarang.

" Di Malaysia, kita mesti sedar bahawa kita masih miskin (berbanding mereka) tetapi NGO kita menjadi penghalang kepada kebaikan bagi rakyat negara ini.

Sebagai contoh, terdapat NGO asing yang menghasut sesetengah kumpulan di Sarawak supaya menentang kerajaan dengan menggunakan sumpitan.

" Saya pernah menulis surat kepada Perdana Menteri Kanada yang lepas bahawa tindakan NGO itu tidak bertanggungjawab kerana anggota polis akan terbunuh dan polis akan terpaksa menembak mereka yang terbabit. Tetapi jawapan yang saya terima ialah ini amalan demokrasi," kata Dr Mahathir. --

BERNAMA

AU AZZ